

08 OCT 1997

Mahathir-Dewan

DEWAN PERNIAGAAN CINA TURUT SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini terus menerima sokongan rakyat termasuk Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (GDPPCM), dalam usaha beliau menangani masalah ekonomi negara berikutan kejatuhan pasaran saham dan nilai mata wang ringgit akibat kegiatan manipulasi.

Presiden GDPPCM, Tan Sri Amar Wee Boon Ping, berkata dalam keadaan kritikal ini, rakyat dan kerajaan Malaysia harus menunjukkan sokongan padu dan kepercayaan penuh terhadap Dr Mahathir kerana sebarang pergolakan politik sekarang akan merumitkan lagi masalah ekonomi.

Sehubungan itu, beliau menyeru seluruh masyarakat perniagaan Cina memberi sokongan sepenuhnya kepada Dr Mahathir dan sama-sama menangani masalah itu.

Kritikan dan tuduhan yang dilemparkan kepada Dr Mahathir oleh spekulator antarabangsa yang memanipulasikan mata wang negara, di atas keberanian beliau menyerang mereka di forum antarabangsa bukan sahaja suatu tekanan kepada peribadi perdana menteri tetapi ia mencabar seluruh rakyat negara ini.

"Kewibawaan perdana menteri bukan sahaja disanjung tinggi oleh GDPPCM dan komuniti perniagaan Cina, malahan beliau dianggap sahabat karib seluruh komuniti Cina," katanya.

Wee berkata walaupun pelbagai langkah mengatasi masalah ekonomi dilaksanakan kerajaan, pembangunan ekonomi negara terus diancam dengan penyusutan nilai mata wang dan kejatuhan indeks bursa saham.

Beliau berkata GDPPCM, yang mengambil berat terhadap krisis ekonomi itu, akan mengadakan satu mesyuarat khas pada 18 Okt ini untuk membincangkan masalah itu dan hasil perbincangan akan dijadikan memorandum untuk diserahkan kepada kerajaan.

Dr Mahathir sebelum ini menerima sokongan daripada banyak pihak termasuk komponen parti Barisan Nasional (BN) serta pemimpin parti pembangkang seperti menteri besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan ahli korporat yang mahu beliau teruskan usaha memulihkan masalah ekonomi negara.

Sementara itu di JITRA, para pemimpin BN bahagian Kubang Pasu, kawasan Parlimen yang diwakili Dr Mahathir, berpendapat kelantangan Perdana Menteri menyuarakan pendapat dan kritikan terhadap Barat telah menyentak kuasa-kuasa besar yang ego.

"Kejayaan Dr Mahathir memimpin Malaysia juga dicemburui mereka sehingga mereka berusaha menjatuhkan Perdana Menteri dengan pelbagai cara," kata Setiausaha Umno bahagian itu, Shuib Din.

Ketua MCA dan MIC bahagian itu, Wong Poh Teik dan R. Shanmugam pula berkata media asing yang didalangi kuasa-kuasa besar mahu melihat kejatuhan negara ini setelah mengalami pertumbuhan ekonomi memberangsangkan dan ini mencetuskan ketidaksenangan mereka.

Mereka berikrar bersama Perdana Menteri mengharungi apa juga rintangan yang bakal dilalui Dr Mahathir manakalaa Ketua Pemuda UMNO bahagian, Ahmad Zaini Jaafar, berkata h ketokohan Dr Mahathir memperjuangkan hak negara miskin mendapat perhatian dunia.

"Kuasa-kuasa besar merasakan keadaan ini tidak boleh dibiarkan kerana menjejaskan kepentingan mereka," katanya sambil menambah bahawa Asia masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir membela nasib negara-negara miskin agar tidak terus ditindas dan mengikut telunjuk mereka.

Ketua Wanita bahagian yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang, Barishah Saad, yakin Perdana Menteri mampu memulihkan ekonomi negara dan kejatuhan nilai ringgit dengan cara paling bijaksana.

Pemimpin-pemimpin parti komponen BN juga menyatakan pendirian dan kepercayaan tidak berbelah bahagi mereka terhadap Perdana Menteri dan yakin Dr Mahathir mampu menangani masalah yang melanda negara sekarang dengan baik dan bijaksana.

Seluruh penduduk Kubang Pasu turut menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri itu supaya terus memimpin negara ini.

Seorang ahli akademik Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohd Yusof Hassan, berkata keberanian Dr Mahathir menyuarakan pendapat dianggap oleh barat sebagai situasi yang tidak seharusnya ditimbulkan oleh negara kecil.

"Oleh itu pihak barat akan menggunakan apa saja cara bagi menjatuhkan pemimpin yang lantang termasuk menjejaskan ekonomi dan memecahkan perpaduan parti politik yang diterajunya," katanya.

Di SEREMBAN, Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan yakin Dr Mahathir akan dapat mengatasi masalah ekonomi negara sekarang.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kemampuan Dr Mahathir untuk mengatasi masalah ekonomi itu tidak perlu diragui dan ini juga termasuk soal kepimpinannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Umno Negeri Sembilan sendiri bersedia untuk bersama-sama Dr Mahathir bagi menghadapi segala rintangan yang berlaku sekarang terutama dalam usaha untuk menjejaskan kepimpinannya dan negara,"katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno negeri di sini, hari ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu berkata kini sudah tiba masanya setiap anggota parti menggembleng tenaga bagi membanteras cubaan pihak tertentu untuk merosakkan ekonomi negara.

Beliau berkata satu resolusi berhubung sokongan Umno Negeri Sembilan telah dihantar kepada Dr Mahathir hari ini.

Beliau juga berkata media-media asing selama ini tidak pernah memberikan sebarang gambaran yang baik terhadap negara ini dan tidak ada sebab untuk rakyat mudah terpengaruh dengan mereka.

"Selama ini, mereka cemburu melihat kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang disegani dunia," katanya. -- BERNAMA

ARA ZA JM RAB NAK